



Barisan pesilat USIM yang meraih pingat pada **Kejohanan Pencak Silat UPSI dan Jemputan Antarabangsa 2015**.

Pesilat USIM semakin hebat

Nilai: Kehebatan pasukan pencak silat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) semakin menonjol dengan kejayaan terbaharu pada Kejohanan Pencak Silat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Jemputan Antarabangsa 2015, di kampus UPSI Tanjung Malim, baru-baru ini.

USIM meraih satu pingat emas dan satu perak, masing-masing menerusi Muhammad Ali Imran Che Yashin, dalam kelas B dan Ain Najwa Mohd Latif, kelas F.

Dua pingat gangsa pula diraih Ily Izreen Mohamed

Zaabah dan Muhammad Yunus Shahidan, masing-masing menerusi kelas A dan kelas C.

Ketua Pasukan, Ali Imran, berkata kejayaan itu amat bermakna kerana mereka hanya melakukan persiapan sebulan sebelum kejohanan bermula.

Tegas dan dedikasi

"Jurulatih cukup tegas dan berdedikasi dalam membantu memantapkan perseediaan kami. Selain mempelajari beberapa teknik serangan baharu, kami turut diajar agak lebih bersedia

dari segi mental dan tidak mudah putus asa," katanya.

Selain USIM, kejohanan diadakan di Dewan Serbaguna Kolej Ungku Omar UPSI itu menyaksikan penyertaan pesilat dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Sebanyak tiga kategori dipertandingkan dalam kejohanan itu iaitu kategori remaja, kategori IPT dan kategori terbuka.